

PM: Kes Arafat tunjukkan tiada lagi keadilan di dunia

SEP 2002
Oleh ZAINU'L AZHAR ASHARI

KUALA LUMPUR 29 Sept. — Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad berkata apa yang sedang berlaku kepada Presiden Palestin, Yasser Arafat menunjukkan bahawa tidak ada lagi keadilan di dunia ini sebaliknya penuh dengan cakap-cakap bohong dan hipokrisi khususnya dalam melayani negara-negara Islam.

Perdana Menteri memberitahu, kuasa-kuasa besar boleh berbuat apa sahaja terhadap negara-negara yang tidak disukainya

tanpa mengira sama ada langkah tersebut adil atau sebaliknya.

“Jadi, segala cakap-cakap tentang keadilan, hak asasi manusia dan demokrasi, semua bohong belaka...cakap sahaja.

“Dalam kes Arafat, nampak dia dibenci oleh pihak-pihak tertentu dan dengan itu, dia tak akan menerima layanan yang adil kerana keadilan sudah tidak ada lagi di dunia ini,” kata beliau dalam sidang akhbar di Lapangan Terbang Tentera Udara Diraja Malaysia (TUDM) Subang, dekat sini hari ini.

Perdana Menteri yang ditemani isteri Datin Seri Dr. Siti Hasmah Mohd. Ali tiba di lapangan terbang berkenaan selepas menghadiri Mesyuarat Asia-Eropah (Asem) Keempat di Copenhagen, Denmark dan lawatan peribadinya ke Eropah.

Ketibaannya kira-kira pukul 7.50 pagi ini disambut oleh Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi, Menteri Pertahanan Datuk Seri Najib Tun Razak, Menteri Besar Selangor Datuk Seri Mohd. Khir Toyo dan Ketua Menteri Melaka Datuk Seri Mohd. Ali Rustam.

■ Lihat muka 4

PM: Kes Arafat tunjukkan tiada lagi keadilan di dunia

Dr. Mahathir mengulas tekanan yang dihadapi oleh Arafat apabila pejabatnya di Ramallah dikepung oleh tentera Israel.

Arafat juga menelefon Dr. Mahathir untuk meminta bantuan Perdana Menteri supaya krisis tersebut dapat diatasi.

“Dalam kes Arafat, dia dibenci oleh pihak tertentu dan tak akan menerima layanan yang adil,” tambah beliau.

Sehubungan itu, kata Perdana Menteri, beliau telah menulis surat kepada Presiden Amerika Syarikat (AS), George W. Bush, Presiden Perancis, Jacques Chirac dan Canselor Jerman Gerhard Schroeder untuk meminta bantuan mereka bagi mengatasi masalah yang dihadapi oleh Arafat.

“Saya bincang panjang lebar dengan Chirac dan dapat bayangkan dunia sekarang tidak ada keadilan...kalau kita tidak disukai, maka apa sahaja boleh dibuat.

“Pada masa sekarang, cakap-cakap tentang demokrasi sebenarnya adalah propaganda..tak ada demokrasi walaupun di negara yang mengamalkan demokrasi,” tambah beliau.